

Baik Buruk Byte dan Bait

Rusli Abdul Ghani (rusli@dbp.gov.my);
Zaiton Darois (zaiton6@dbp.gov.my); dan
Hazimah Yusof (hazimah@dbp.gov.my)

Bahagian Penyelidikan Bahasa
Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (<http://www.dbp.gov.my>)

1.0 Pengenalan

Pada 1965, Gordon E. Moore (pengasas bersama Intel dan kini Pengerusi Emeritus Intel Corporation)¹ meramalkan bahawa bilangan komponen yang boleh ditempatkan pada cip bersepadu akan meningkat dua kali ganda setiap tahun – ramalan ini terbukti benar selama dua tiga dekad² dan menjadi tersohor di kalangan digiterati sebagai Hukum Moore.

Selain komponen cip, ruang siber juga menyemarak berganda-ganda baik dari segi teknologi Internet mahupun dari segi kandungan WWW. Hakikat ini juga seolah-olah tertakluk pada Hukum Moore (Coffman dan Odlyzko 2001). Perkembangan dalam alam telefoni juga pesat, khususnya komunikasi mudah alih, bermula dengan sistem analog telefon bimbit, disusuli sistem digital GSM (*Global System for Mobile Communications*), WAP (*Wireless Application Protocol*) dan dalam waktu yang singkat kita disajikan pula dengan teknologi GPRS (*General Packet Radio Service*), Bluetooth, dan 3G.

¹ <http://www.intel.com/research/silicon/mooreslaw.htm>

² Kini kadar penggandaan ini sudah berkurang menjadi setiap 18 bulan (<http://www.pbs.org/transistor/background1/events/mooreslaw.html>)

Lakaran ringkas di atas bertujuan untuk memberikan gambaran tentang betapa pesat dan meluasnya perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Akan tetapi, apakah kaitannya dengan bahasa, khususnya Bahasa Melayu?

Percambahan setiap teknologi baru sudah tentu diiringi wacana pemerian dan penghuraian, baik dalam jurnal ilmiah mahupun dalam media massa. Protokol, piawaian dan panduan penggunaan, jika asalnya disediakan dalam bahasa Inggeris atau bahasa Jepun, perlu mempunyai versi Melayu. Lantaran itu, perkembangan teknologi pasti seiring dengan pembentukan istilah baru. Andainya kemunculan istilah baru ini tidak setara dengan kadar penggubalan padanannya dalam bahasa Melayu, pengguna bahasa Melayu terdorong, dek kepraktisan, untuk menggunakan istilah asalnya, sama ada *in toto* atau dengan pengubahsuaian ejaan.

2.0 Tujuan Kajian

Kajian ini asalnya bertujuan untuk meneliti istilah teknologi maklumat dan komunikasi yang digunakan dalam wacana TMK di negara anggota Mabbim – Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia.

Penelitian ini juga berkisar pada pemerian bentuk-bentuk istilah yang digunakan dalam makalah TMK *vis-à-vis* panduan pembentukan istilah yang disarankan pihak Mabbim (JKTBM 1992). Usaha seumpama ini pernah kami lakukan untuk istilah sains (Rusli dan Zaiton 2001), tetapi khusus dalam teks bacaan umum di Malaysia.

3.0 Metodologi Penyelidikan

Penelitian kami berasaskan pada data teks digital sepenuhnya kerana kami menggunakan perisian analisis teks untuk mendapatkan senarai istilah, maklumat

kekerapan dan konteks penggunaan. Daripada maklumat ini kami kelompokkan bentuk-bentuk istilah kepada bentuk yang meminjam langsung, meminjam terjemah, dan sebagainya.

3.1 Data

Kami bermula dengan mencari data TMK yang diterbitkan di Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia. Ada kalanya kami beruntung kerana teks yang berkaitan sudah tersedia dalam bentuk digital (di WWW) dan ada ketikanya kami terpaksa menaip semula (atau mengimbas) teks yang kami kumpulkan secara manual. Sayangnya, kami tidak memperoleh cukup data digital makalah TMK Brunei Darussalam. Justeru, penelitian ini tertumpu pada data Indonesia dan Malaysia sahaja.

3.1.1 Jenis Data

Jenis data yang kami gunakan ialah data daripada majalah dan akhbar kerana kedua-dua wadah ini memuatkan makalah TMK mutakhir.

Data TMK Malaysia terdiri daripada makalah yang termuat dalam *Majalah PC* edisi November 2001 (terbitan Karang kraf) dan yang termuat dalam ruangan 'Megabait' akhbar *Utusan Malaysia* (November 2001) dan ruangan komputer *Berita Harian*, manakala data Indonesia terdiri daripada makalah dalam *Bisnes Komputer* edisi November 2001 (terbitan PT. Winstar Computindo) dan makalah *Komputek* (November 2001).

3.1.2 Saiz Data

Hakikat yang perlu diakui awal-awal lagi ialah bahawasanya saiz data korpus kajian kami ini kecil, sekitar 90,000 kata untuk data Malaysia dan 70,000 kata untuk data Indonesia. Memang korpus sebesar ini tidak dapat diandalkan untuk memperoleh rumusan pasti tentang hakikat bahasa Melayu/Indonesia, namun dari sudut deskriptif, korpus ini sudah memadai untuk memperlihatkan pola-pola khusus.

3.2 Perisian

Data korpus diproses untuk menghasilkan senarai kata. Perisian yang digunakan ialah *Malay Text Analysis*³ (ringkasnya MATA) yang merupakan sub-sistem dalam Pangkalan Data Korpus DBP.

Daripada senarai kata ini pula kami memetik kata yang dianggap sebagai istilah teknologi maklumat dan membandingkannya dengan daftar istilah Mabbim dan juga glosari TMK (antaranya DBP 2000a; DBP 2000b).

4.0 Analisis Data

Daripada korpus yang kecil ini kami dapat memerhatikan pola-pola tertentu dalam penggunaan istilah TMK di Malaysia dan di Indonesia.

4.1 Istilah Pinjaman

Istilah jenis ini merupakan yang paling banyak terdapat dalam teks TMK Malaysia dan Indonesia. Kekekapan istilah begini juga tinggi.

4.1.1 Istilah Akur Pedoman

Sebahagian istilah yang digunakan dalam teks selaras dengan istilah yang disepakati pada peringkat Mabbim dan bertaat asas pada pedoman umum pembentukan istilah.

Perhatikan senarai yang berikut:

Istilah TMK Malaysia	Frekuensi
komputer	114
digital	64
klik	60
folder	55
internet	54
data	44
multimedia	43

³ Dibina oleh Unit Terjemahan Melalui Komputer (UTMK), Universiti Sains Malaysia.

animasi	41
skrin	38
menu	36

Istilah TMK Indonesia	Frekuensi
komputer	176
informasi	89
digital	61
klik	61
folder	16
internet	152
data	159
multimedia	15
animasi	13
menu	23

Dan yang menariknya, kedua-dua negara nampaknya selaras apabila istilah itu dipinjam daripada bahasa asal dengan pengubahsuaian ejaan. Perhatikan perbandingan yang berikut:

Istilah TMK Indonesia	Frekuensi	Istilah TMK Malaysia	Frekuensi
komputer	176	komputer	114
digital	61	digital	64
klik	61	klik	60
folder	16	folder	55
internet	152	internet	54
data	159	data	44
multimedia	15	multimedia	43
animasi	13	animasi	41
menu	23	menu	36

4.1.2 Istilah Tidak Akur Pedoman

Fenomena ini lebih ketara dalam teks TMK Indonesia berbanding teks Malaysia. Kebanyakan istilah ini diambil langsung daripada istilah Inggeris. Perhatikan jadual yang berikut:

Daftar Istilah Mabbim Indonesia	Istilah dalam Makalah TMK Indonesia	Frek.
ambil berkas/data	<i>download</i>	16
antarmuka	<i>interface</i>	20
beranda muka;laman	<i>homepage</i>	3
berkas	<i>file</i>	113
cadang	<i>backup</i>	4
cakram	<i>hard disk</i>	19
cetakan	<i>hardcopy</i>	3
ikon	<i>icon</i>	7
imej	<i>image</i>	3
jendela	<i>window</i>	27
keping;cip	<i>chip</i>	12
mesin gelintar	<i>search engine</i>	3
papan ketik	<i>keyboard</i>	10
pemidai	<i>scanner</i>	19
pencetak	<i>printer</i>	32
penggerak	<i>driver</i>	59
pengguna	<i>user</i>	61
peramban	<i>browser</i>	13
perangkat keras	<i>hardware</i>	34
perangkat lunak	<i>software</i>	71
piksel	<i>pixel</i>	3
sandi lewat	<i>password</i>	12
semeja	<i>desktop</i>	24
situs web	<i>website</i>	3
surat elektronik	<i>e-mail</i>	18
terhubung	<i>online</i>	6
tetikus	<i>mouse</i>	14
wayarles	<i>wireless</i>	35

Istilah begini digunakan langsung dalam teks bahasa Indonesia. Yang dicetak tebal merupakan istilah Inggris yang digunakan dalam teks (fenomena alih kod?).

Perhatikan contoh di bawah:

1. Selain sudah dilengkapi dengan **flash** yang sudah terpasang, JamCam juga dilengkap dengan **software** yang dapat digunakan untuk edit gambar yang sudah diambil.
2. Di dalamnya, **color management** dengan **ICC profilesnya** mempermudah **user** untuk **memonitor soft proof**, baik dalam **CYMK** maupun **RGB**.

3. *Meski bobotnya lebih kecil dibanding komputer sendiri, tetapi bayangkan jika **harddisk** Anda telah penuh, maka perannya menjadi begitu besar karena Anda bisa menyimpan data di dalamnya hingga **bermega byte**.*
4. *Selain itu, TMS memungkinkan informasi dapat diakses dengan cepat dan simpel serta terintegrasi dengan aplikasi lain, memudahkan investasi terhadap PC, jaringan dan perangkat **scanning** serta **plotting** karena TMS memiliki **interface** yang berkarakter **user friendly** dan **user-defined** yang membuatnya handal dan fleksibel.*

Teks Malaysia juga ada menggunakan istilah Inggeris, tetapi tidak begitu leluasa;

Daftar Istilah Mabbim Malaysia	Istilah dalam Makalah TMK Malaysia	Frek.
capaian	akses	6
penyesuai	<i>adapter</i>	3
enjin gelintar	enjin carian	2
muat turun	<i>download</i>	1
muat turun	proses memindah terima	1
memori	<i>memory</i>	1
papan induk	<i>motherboard</i>	1

Istilah ‘*adapter*’, ‘*download*’, ‘*memory*’ dan ‘*motherboard*’ muncul sekali sahaja, manakala ‘*adapter*’ tiga kali. Bentuk bahasa Inggeris yang banyak muncul dalam teks TMK Malaysia merupakan nama khas perisian atau perkakasan. Sebagai contoh:

1. *Ia juga hendaklah menggunakan **Windows 98** atau yang lebih baik.*
2. *Perisian ini adalah sebuah perisian yang membolehkan komputer **Apple** dipasang dengan perisian **Windows** dan pengguna boleh menggunakan perisian itu menerusi paparan **Mac OS**.*
3. *Untuk melakukan carian cepat, taipkan sebuah perkataan atau dua pada ruang **Find** dan klik bebutang **Find Now**.*
4. *Anda boleh menaipkan sedikit kapsyen (**caption**) kepada ruangan **Caption** dan klik **OK**. (rajah 6) Setelah itu pergi ke **Gallery Thumbnails** dan pilih **Use File Info Caption**.*

4.2 Istilah Alternatif

Fenomena ini bukanlah isu peristilahan *per se* melainkan gaya penerbitan. Dalam kes ini setiap istilah diberikan istilah alternatif bahasa Inggeris (dalam kurungan).

Dari satu segi, ini dapat dilihat sebagai bantuan kepada pembaca yang belum biasa dengan istilah TMK tertentu. Keadaan ini berlaku dalam teks Malaysia dan juga teks Indonesia. Perhatikan contoh di bawah;

1. *Video berasaskan AGP terdapat dalam dua bentuk iaitu yang diintegrasikan ke dalam **papan induk (motherboard)** untuk PC berharga murah atau slot tambahan untuk papan induk berharga sederhana dan mahal.*
2. *Apabila cakera keras rosak dan anda tidak membuat **simpanan (backup)**, maka tindakan susulan mungkin gagal membantu.*
3. *Padahal sudah saya **hapus (delete)** beberapa file yang gede-gede.*
4. *Penyebaran paling cepat ditempuh worm ini lewat jalur **surat elektronik (e-mail)** sebagai attachment yang disebut SAMPLE.EXE.*

4.3 Istilah yang Tidak Selaras

Dalam teks yang kami teliti terdapat juga penggunaan istilah yang tidak selaras, baik dalam teks Indonesia mahupun teks Malaysia seperti yang ditunjukkan di bawah;

Daftar Istilah Mabbim (Indonesia)	Istilah yang Lebih Kerap Digunakan	Frekuensi	Istilah Lain	Frekuensi
piranti	piranti	20	<i>device</i>	19
layar	layar	5	<i>screen</i>	3
jaringan	jaringan	49	<i>networking</i>	11
ikon	<i>icon</i>	7	ikon	1

Daftar Istilah Mabbim Malaysia	Istilah yang Lebih Kerap Digunakan	Frekuensi	Istilah Lain	Frekuensi
capaian	capaian	18	akses	6

Antara faktor-faktor yang mungkin menyebabkan berlakunya ketidakselarasan penggunaan istilah ini ialah penyebaran istilah yang disepakati Mabbim ini tidak sampai kepada pengguna.

4.4 Istilah Bentuk Singkatan

Hampir keseluruhan istilah bentuk singkatan yang digunakan dalam teks TMK Indonesia dan Malaysia merupakan singkatan bahasa asal.

Singkatan Indonesia	Frek.	Singkatan Malaysia	Frek.
CD	40	CD	15
CPU	6	CPU	5
ICT	7	ICT	54
MB	20	MB	14
MHz	11	MHz	20
MP3	22	MP3	15
PC	72	PC	85
PCI	6	PCI	3
RAM	9	RAM	11
USB	41	USB	14
WAP	8	WAP	4
WMA	1	WMA	2

Contoh-contoh penggunaan singkatan dalam teks:

1. Dengan peningkatan keupayaan **CPU** daripada 486 DX2 66**MHz** kepada Pentium 4 2**GHz**, maka kecekapan penggunaan **AGP** juga meningkat.
2. Tetapi sebaliknya anda terpaksa menyelesaikan beberapa masalah yang muncul ketika anda cuba memasang pemacu **CD-ROM** tersebut ke komputer peribadi (**PC**) anda.

4.5 Bentuk Terbitan

Istilah yang dipinjam langsung juga digunakan untuk menghasilkan bentuk terbitan lain yang nampak aneh dan tidak serasi dengan laras dan lenggok bahasa Melayu/Indonesia. Bentuk seperti *menginstall*, *mendownload*, *di-load*, *meng-convert* dan *didownload* janggal sekali apabila dipakai dalam teks.

5.0 Kesimpulan

Secara umumnya, penggunaan semasa istilah TMK di Indonesia dan Malaysia adalah tekal, tetapi yang tekal itu kebanyakannya tidak selaras dengan apa yang disepakati pada peringkat Mabbim.

Suatu kajian yang lebih mendalam, dengan menggunakan korpus teks yang lebih besar dan tinjauan yang lebih menyeluruh, perlu dilakukan untuk mengenal pasti punca terjadinya keadaan ini. Baik buruk *byte* ketimbang 'bait' perlu diperhalus supaya masyarakat pengguna lebih bersedia untuk memilih satu bentuk istilah sahaja demi pengembangan ilmu TMK dalam bahasa Melayu/Indonesia.

Rujukan

- Coffman, K. G. dan A. M. Odlyzko 2001. "Internet growth: Is there a "Moore's Law" for data traffic?" AT&T Labs – Research. Revised version, 4 Jun 2001
(<http://www.research.att.com/~amo/doc/internet.moore.pdf>)
- DBP 2000a. *Glosari Teknologi Maklumat*. DBP: Kuala Lumpur.
- DBP 2000b. *Glosari Teknologi Maklumat Jilid 2*. DBP: Kuala Lumpur.
- JKTBM 1992. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. DBP: Kuala Lumpur.
- Rusli Abdul Ghani dan Zaiton Darois 2001. 'Istilah Sains dalam Teks Bacaan Umum.' Dalam *Rampak Serantau*, Bil. 8/2001:67-83.